



PETIKAN AKHBAR

Bernama - Belanjawan 2021 Bagi Memelihara Kesejahteraan Rakyat, Negara

PETIKAN AKHBAR | 06 NOVEMBER 2020



KUALA LUMPUR, 6 Nov - Dalam menghadapi krisis pandemik COVID-19 dan ekonomi negara yang tidak pernah berlaku sebelum ini, kerajaan membentangkan Belanjawan 2021 dengan peruntukan terbesar dalam sejarah negara bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan negara.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata matlamat utama belanjawan itu adalah bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi negara.

“Kerajaan memperuntukan RM322.5 bilion untuk tahun hadapan dengan RM236.5 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM69 bilion bagi perbelanjaan pembangunan serta RM17 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19,” katanya semasa membentangkan belanjawan tersebut di Dewan Rakyat hari ini.

Malaysia bukan keseorangan dalam menghadapi cabaran-cabaran itu kerana dunia menghadapi krisis kesihatan sejak awal tahun ini dan masih lagi memerangi pandemik berkenaan, serta krisis ekonomi terburuk sejak era the Great Depression pada sekitar tahun 1930-an.

“Dalam melindungi rakyat, kerajaan bercadang menaikkan siling Kumpulan Wang COVID-19 sebanyak RM20 bilion kepada RM65 bilion bagi membiayai pakej KITA PRIHATIN, bantuan tambahan bagi kesejahteraan rakyat, keperluan barisan hadapan dan perolehan vaksin kelak,” katanya semasa membentangkan belanjawan sulung kerajaan Perikatan Nasional itu.

Kerajaan memperuntukkan RM1 bilion untuk membendung gelombang ketiga COVID-19 dan menyediakan pemberian ‘one-off’ RM500 bagi menghargai jasa anggota barisan hadapan yang dijangka dapat memanfaatkan 100,00 petugas kesihatan.

Belanjawan itu menyediakan insentif cukai, penurunan cukai pendapatan, perlindungan sosial bagi golongan B40 serta rakyat yang hidup di bawah paras kemiskinan, bantuan kewangan bersasar, membenarkan pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta mewujudkan ratusan ribu peluang pekerjaan.

Semuanya itu bagi memelihara kesejahteraan rakyat yang terkesan akibat impak pandemik berkenaan kerana ada yang hilang sumber pendapatan, perniagaan terjejas serta menyentuh secara terus kelangsungan kehidupan rakyat.

Pelepasan cukai disediakan bagi perbelanjaan rawatan perubatan meliputi perbelanjaan vaksinasi bagi diri sendiri, pasangan dan anak-anak terhad kepada RM1,000.

Cukai pendapatan pula diturunkan sebanyak satu mata peratusan bagi mereka yang berpendapatan bercukai RM50,001 hingga RM70,000 yang dijangka memanfaatkan 1.4 juta pembayar cukai.

Kadar bantuan dan elaun bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) tidak berupaya bekerja, pekerja OKU, warga emas, kanak-kanak keluarga miskin semuanya dinaikkan, melibatkan peruntukan RM2.2 bilion, yakni tambahan RM700 juta, dan memanfaatkan lebih 400,000 penerima.

Bantuan Sara Hidup (BSH) pula digantikan dengan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), menyaksikan ia bakal memanfaatkan 8.1 juta orang, dengan peruntukan RM6.5 bilion berbanding 4.3 juta penerima dengan peruntukan RM5 bilion sebelum ini di bawah BSH.

Bukan itu sahaja malah bagi tahun 2021, Zafrul berkata kerajaan menyediakan hampir RM28 bilion khusus untuk subsidi, bantuan dan insentif, antaranya bantuan pengangkutan dan kebajikan serta subsidi bagi mengawal kenaikan harga barangan dan perkhidmatan.

Kadar caruman minimum KWSP dikurangkan daripada 11 kepada sembilan peratus sepanjang tahun depan bagi meningkatkan pendapatan boleh guna dan ia dijangka menjangkau sehingga RM9.3 bilion.

Seterusnya menyusul berita yang dinantikan ramai, dan kerajaan mengumumkan kemudahan pengeluaran KWSP daripada Akaun 1 secara bersasar sebanyak RM500 sebulan dengan jumlah sehingga RM6,000 untuk 12 bulan.

“Pengeluaran ini adalah bagi membantu ahli-ahli yang kehilangan pekerjaan dan dijangka meringankan beban kewangan 600,000 ahli yang terjejas,” kata Zafrul yang merupakan tokoh perbankan sebelum menjadi menteri.

Bagi membantu mereka yang kehilangan pekerjaan susulan pandemik itu sehingga mencatatkan 820,000 pengangur setakat Mei lepas, kerajaan akan menyediakan 500,000 peluang pekerjaan baharu termasuk pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula melalui peruntukan RM3.7 bilion.

Kerajaan dilihat memang memandang serius masalah itu, apabila Perdana Menteri sendiri akan mempengerusikan Majlis Pekerjaan Negara.

Belanjawan hari ini menyaksikan tiada golongan tercicir, sehinggakan masyarakat orang Asli, belia, wanita, petani, nelayan, pesawah, pesara polis, imam, bilal, bomba bantuan, dan pengiat seni, sedikit sebanyak akan mendapat manfaat, semuanya demi kesejahteraan rakyat.

Soal kesalinghubungan digital turut diberi perhatian dalam belanjawan itu dengan RM500 juta diperuntukkan tahun depan bagi melaksanakan inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) bertujuan memastikan kesalinghubungan sejumlah 430 buah sekolah di seluruh negara.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pula memperuntukkan RM7.4 bilion untuk tahun 2021 dan 2022 bagi memperluas perkhidmatan jalur lebar.

Kementerian Pendidikan terus menerima peruntukan terbesar dengan RM50.4 bilion manakala Kementerian Dalam Negeri (RM17 bilion) dan Kementerian Pertahanan (RM16 bilion) dalam belanjawan itu.

Dalam usaha mewujudkan keseimbangan pembangunan antara wilayah, antara yang disediakan adalah peruntukan RM780 juta khusus bagi lima koridor wilayah pembangunan tahun depan, manakala Sabah dan Sarawak masing-masing akan menerima peruntukan pembangunan RM5.1 bilion dan RM4.5 bilion.

Ada berita gembira untuk kakitangan awam, kerajaan mengumumkan Bantuan Khas Kewangan RM600 bagi Gred 56 dan kebawah manakala pesara dan veteran tidak berpencen akan diberi RM300 dengan bayaran dibuat awal tahun depan.

“Kita perlu bersyukur, kita masih kuat menggagahi semua ini. Kuat negara ini adalah kerana rakyatnya tabah berkorban membenteng negara,” kata Zafrul.

Dengan Belanjawan 2021 bertemakan “Teguh Kita, Menang Bersama”, Zafrul mengajak seluruh Ahli Parlimen dan rakyat - “Belanjawan ini dijulung menjadi kanun saksi perpaduan kita demi rakyat”.

-- BERNAMA

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- BERNAMA
- HARGA MINYAK
- PRICE OF PETROLEUM
- TENGKU ZAFRUL
- BANTUAN PRIHATIN NASIONAL
- KWSP
- I-SINAR
- SINAR HARIAN
- JELAJAH BELANJAWAN 2021
- PRIHATIN MOF
- PERMAI
- BERITA HARIAN